



04 JUN, 2026

TNB labur RM43b perkukuh grid

Kosmo, Malaysia



TNB labur RM43b perkukuh grid

- 'Untuk tempoh 2025' hingga 2027
- Sokong permintaan pusat data, industri dan kenderaan EV

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) bakal melabur sejumlah RM43 bilion dalam tempoh 2025 hingga 2027 bagi menaik taraf dan memperkukuh sistem grid elektrik negara termasuk mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pelaburan tersebut penting bagi menyokong pembangunan tenaga boleh baharu dan memenuhi peningkatan permintaan elektrik pada masa hadapan.

Menurutnya, permintaan elektrik di Asia Tenggara dijangka berkembang antara empat hingga lima peratus setiap tahun dalam dekad akan datang.

Beliau yang juga Menteri Per-



FADILLAH (tengah) melawat rerual TNB di Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon 2026) di Kuala Lumpur semalam.

alihan Tenaga dan Transformasi Air menjelaskan, pertumbuhan itu didorong oleh perkembangan sektor perindustrian, pem-

bandaran, penggunaan kende-

raan elektrik serta pembangunan infrastruktur digital termasuk pusat data AI.

"Pusat data kini muncul seba-

gaimana elektrik yang paling pesat berkembang di peringkat global.

"Justeru itu, negara perlu mempunyai sistem grid yang kukuh dan berdaya tahan bagi

menyokong keperluan tersebut," katanya ketika berucap pada Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon 2026) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Fadillah menerangkan, inisiatif Grid Kuasa ASEAN adalah contoh terbaik kerjasama serantau dalam memajukan perdagangan elektrik rentas sempadan dan memperkukuh keselamatan tenaga.

Menurutnya, rantau Asia Tenggara berada pada kedudukan yang baik untuk menarik pelaburan sekiranya ia terus menyediakan dasar yang jelas dan mesra pelabur.

Tambah beliau, kerajaan akan terus memainkan peranan menetapkan hala tuju, manakala sektor swasta pula membawa modal, teknologi dan kepakaran bagi memastikan agenda peralihan tenaga dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Peralihan tenaga bukan sahaja satu keperluan alam sekitar, tetapi juga keutamaan ekonomi dan strategik bagi Malaysia serta negara-negara ASEAN," ujarnya.